

BENTUK KERTAS SOALAN

Kertas Pembinaan Domestik pentaksiran bertulis 7101/1 ini mengandungi 15 item yang dibahagikan kepada tiga (3) bahagian:

- Bahagian A Mengandungi sepuluh (10) item respon terhad. Item ini berada pada aras kesukaran yang rendah dan dibina berdasarkan kepada evidens pengetahuan dan evidens proses yang telah calon lalui dalam penghasilan evidens produk di dalam bengkel (situasi lama cara lama). Calon dikehendaki menjawab semua item dalam ruang jawapan yang disediakan. Wajaran skor yang diberikan ialah 50 (5 skor bagi setiap item).
- Bahagian B Mengandungi tiga (3) item subjektif. Item ini berada pada aras kesukaran sederhana dan dibina berdasarkan kemahiran calon mengaplikasikan evidens pengetahuan dan evidens proses yang telah calon lalui dalam penghasilan evidens produk di dalam bengkel (situasi baru cara lama). Calon dikehendaki menjawab semua item dalam ruang jawapan yang disediakan. Wajaran skor yang diberikan ialah 30 (10 skor bagi setiap item).
- Bahagian C Mengandungi dua (2) item subjektif. Item ini berada pada aras kesukaran yang tinggi dan dibina berdasarkan kreativiti calon mengolah evidens pengetahuan dan evidens proses yang telah calon lalui dalam penghasilan evidens produk di dalam bengkel (situasi baru cara baru atau situasi lama cara baru). Calon dikehendaki menjawab semua item dalam ruang jawapan yang disediakan. Wajaran skor yang diberikan ialah 20 (10 skor bagi setiap item).

Masa yang diperuntukan untuk menjawab semua item kertas 7101/1 ialah 2 ½ jam.

PRESTASI KESELURUHAN

Prestasi keseluruhan calon adalah pada tahap sederhana. Tiada calon yang dikategorikan sebagai cemerlang (markah maksimum). Markah calon lebih tertumpu kepada item dibahagian A iaitu item pada aras kesukaran yang rendah dan dibina berdasarkan kepada evidens pengetahuan dan evidens proses yang telah calon lalui dalam penghasilan evidens produk di dalam bengkel (situasi lama cara lama). Calon lebih cemerlang pada item yang disertakan dengan panduan jawapan sama ada dalam bentuk fakta, rajah atau grafik. Majoriti calon amat lemah dalam menjawab item yang memerlukan penjelmaan fakta (evidens pengetahuan dan evidens proses) secara langsung (item yang tidak memberi sebarang bantuan sama ada fakta, rajah atau grafik yang boleh dijadikan panduan calon menjawab item tersebut).

Majoriti calon gagal menjawab item di bahagian B dan bahagian C yang menekankan kemahiran calon mengaplikasikan evidens pengetahuan dan evidens proses yang telah calon lalui dalam penghasilan evidens produk di dalam bengkel (situasi baru cara lama) dan kebolehan calon mengolah secara kreatif evidens pengetahuan dan evidens proses yang telah calon lalui dalam penghasilan evidens produk di dalam bengkel (situasi baru cara baru atau situasi lama cara baru). Jawapan yang diberikan oleh calon terlalu umum dan amat terhad kepada fakta yang terdapat dalam modul pengajaran dan pembelajaran. Calon juga tidak dapat memberi huraian yang mantap bagi menyokong fakta yang diberikan mengikut situasi dan kehendak item. Hal ini disebabkan sebilangan besar calon yang mengambil mata pelajaran Pembinaan Domestik terdiri daripada calon yang mempunyai pencapaian

yang paling minimum dalam peperiksaan PMR (“E” dalam semua subjek atau hanya beberapa “D” sahaja). Sebilangan kecil calon tidak menguasai langsung kemahiran 3M dan ianya terdiri dari calon istimewa (calon cacat pendengaran dan tidak boleh bertutur).

PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON

Calon Dalam Kumpulan Tinggi

Tiada calon yang dikategorikan dalam kumpulan cemerlang. Calon hanya boleh dikategorikan dalam kumpulan sederhana cemerlang. Calon memahami kehendak item. Calon dapat menjawab hampir keseluruhan item dalam bahagian A dan mempersembahkannya dengan baik, jelas dan mudah difahami.

Majoriti calon dapat menjawab item dibahagian B dan bahagian C dengan baik. Fakta yang diberikan walaupun menepati kehendak item, ianya tidak dihuraikan dengan baik bagi menyokong fakta tersebut sebagaimana yang dikehendaki dalam peraturan penskoran.

Calon Dalam Kumpulan Sederhana

Calon memahami kehendak item. Calon dapat menjawab lebih daripada separuh item dalam bahagian A dan mempersembahkannya dengan baik, jelas dan mudah difahami. Manakala beberapa item lagi dijawab pada tahap sederhana. Fakta yang diberikan kurang lengkap atau tidak mencukupi kadangkala kabur, kurang tepat dan samar.

Majoriti calon tidak dapat menjawab item dalam bahagian B dan C dengan baik. Kurang mahir dalam kaedah/teknik menjawab item. Oleh itu, mereka gagal untuk memberikan huraian bagi fakta yang diberikan dengan baik dan jelas. Jawapan yang diberikan oleh calon terlalu umum, kadangkala agak kabur atau kurang tepat dan amat terhad kepada fakta yang terdapat dalam modul pengajaran dan pembelajaran. Tidak dapat mengemukakan contoh atau penjelasan dengan baik untuk menguatkan jawapan. Persembahan jawapan kurang tersusun. Penyampaian dari segi aspek bahasa adalah sederhana.

Calon Dalam Kumpulan Rendah

Calon tidak berupaya menterjemah kehendak item. Calon dapat menjawab beberapa item dalam bahagian A dan mempersembahkannya pada tahap sederhana dan boleh difahami. Manakala sebilangan besar item lagi sama ada tidak jawab langsung atau memberi jawapan tahap sangat rendah. Fakta yang diberikan tidak lengkap atau tidak mencukupi, kabur, kurang tepat dan samar.

Majoriti calon membiarkan ruang jawapan item dalam bahagian B dan C kosong. Calon tidak berupaya menterjemah kehendak item (tidak menguasai kemahiran 3M atau menguasai 3M pada aras yang sangat rendah. Calon berupaya memberikan satu atau dua fakta asas sahaja. Tidak berupaya untuk menghuraikan fakta atau huraian dibuat secara berulang-ulang dan tidak menepati kehendak item. Keseluruhannya jawapan terpesong dari kehendak item. Penyampaian amat lemah, tiada susunan atau struktur persembahan yang sesuai. Memberi jawapan secara pernyataan umum dan ada juga dalam bentuk ‘*point-form*’ sahaja. Penggunaan ayat berulang-ulang tanpa fakta atau isi dan penggunaan tatabahasa lemah serta kesalahan ejaan yang nyata.

PRESTASI TERPERINCI

Bahagian A

Soalan 1

Sebilangan kecil calon mampu menyatakan semula evidens proses yang telah mereka lalui di dalam bengkel dengan tepat dan betul seperti mana yang dikehendaki oleh peraturan penskoran dalam item ini. Manakala majoriti calon lagi memberi jawapan yang tidak tepat dan terpesong dari kehendak item.

Kelemahan utama dan ketara majoriti calon semasa menjawab item ini ialah sama ada tidak memahami atau keliru dengan beberapa istilah seperti istilah 'menyenggara' yang digunakan dalam item ini. Kelemahan tersebut mungkin disebabkan oleh kesilapan calon yang mengambil mudah atau mengambil sikap sambil lewa tanpa membaca keseluruhan kehendak item itu sendiri.

Soalan 2

Hampir kesemua calon mampu menyatakan semula evidens proses yang telah mereka lalui di dalam bengkel dengan tepat dan betul seperti mana yang dikehendaki oleh peraturan penskoran dalam item ini. Calon dapat mengenalpasti peralatan yang digunakan dalam evidens proses seperti mana yang dikehendaki oleh item dengan mudah. Kecemerlangan calon dibantu dengan adanya panduan jawapan dalam bentuk fakta dan grafik yang disertakan dalam item.

Kelemahan sebilangan kecil calon ialah tidak menguasai evidens pengetahuan tentang fungsi alatan yang mereka gunakan dalam evidens proses. Hal ini menyebabkan sebilangan kecil calon terkeliru dengan beberapa alatan yang mempunyai fungsi umum yang hampir sama.

Soalan 3

Sebilangan besar calon mampu menunjukkan semula evidens proses yang telah mereka lalui di dalam bengkel dengan betul dan sempurna seperti mana yang dikehendaki oleh peraturan penskoran dalam item ini. Calon yang cemerlang dapat menunjukkan evidens proses seperti mana yang dikehendaki oleh item dengan mudah. Kecemerlangan calon dibantu dengan adanya panduan jawapan dalam bentuk grafik yang disertakan dalam item.

Kelemahan sebilangan kecil calon sederhana dan lemah ialah tidak menguasai keseluruhan evidens proses merancang tanda pemasangan jubin. Dalam kebanyakan kes, calon hanya melakarkan beberapa garisan sahaja bagi menunjukkan keseluruhan proses merancang tanda. Kesilapan utama dan ketara majoriti calon sederhana dan lemah ialah tidak melakarkan garisan dengan tepat dan sempurna seperti yang dikehendaki dalam peraturan penskoran.

Soalan 4

Majoriti calon mampu menunjukkan semula evidens proses yang telah mereka lalui di dalam bengkel dengan tepat dan betul seperti mana yang dikehendaki oleh peraturan penskoran dalam item ini. Calon yang cemerlang dapat menunjukkan evidens proses seperti mana yang dikehendaki oleh item dengan mudah. Kecemerlangan calon dibantu dengan adanya panduan jawapan dalam bentuk grafik/rajah yang disertakan dalam item.

Kelemahan utama dan ketara majoriti calon sederhana dan lemah ialah tidak menanda garisan dengan tepat dan sempurna pada rajah/grafik yang disediakan seperti yang dikehendaki dalam peraturan penskoran. Kesilapan sebahagian kecil calon semasa menjawab item ini ialah sama ada tidak memahami atau keliru dengan istilah yang digunakan dalam item ini. Calon tidak dapat membezakan antara 'bata penutup setengah' dengan 'bata kerat setengah'.

Soalan 5

Sebilangan besar calon mampu menunjukkan semula evidens pengetahuan dan evidens proses yang telah mereka lalui di dalam bengkel dengan tepat dan betul seperti mana yang dikehendaki oleh peraturan penskoran dalam item ini. Calon yang cemerlang dapat menunjukkan evidens pengetahuan dan evidens proses seperti mana yang dikehendaki oleh item dengan mudah. Kecemerlangan calon dibantu dengan adanya panduan jawapan dalam bentuk grafik/rajah yang disertakan dalam item.

Kelemahan utama dan ketara majoriti calon sederhana dan lemah ialah tidak dapat melakar pelan dengan teliti, tepat dan sempurna pada rajah yang disediakan seperti yang dikehendaki dalam peraturan penskoran. Kesilapan sebahagian kecil calon semasa menjawab item ini ialah sama ada tidak memahami atau keliru dengan istilah yang digunakan. Calon tidak dapat membezakan antara 'pelan lapisan pertama' dengan 'pelan lapisan kedua'.

Soalan 6

Sebahagian calon mampu menunjukkan semula evidens pengetahuan dan evidens proses yang telah mereka lalui di dalam bengkel dengan tepat dan betul seperti mana yang dikehendaki oleh peraturan penskoran dalam item ini. Calon yang cemerlang dapat menunjukkan evidens pengetahuan dan pengevidens proses seperti mana yang dikehendaki oleh item dengan mudah. Kecemerlangan calon dibantu dengan adanya panduan jawapan dalam bentuk grafik/rajah yang disertakan dalam item.

Kelemahan utama dan ketara majoriti calon ialah tidak melakar /menanda garisan 'kemas ikat sambungan condong' dan 'kemas ikat sambungan terbenam' dengan teliti, tepat dan sempurna pada rajah yang disediakan seperti yang dikehendaki dalam peraturan penskoran. Kesilapan sebahagian kecil calon semasa menjawab item ini ialah sama ada tidak memahami atau keliru dengan istilah yang digunakan dalam item ini. Calon tidak dapat membezakan antara 'kemas ikat sambungan condong' dengan 'kemas ikat sambungan terbenam'.

Soalan 7

Hanya sebahagian kecil calon mampu menunjukkan semula evidens pengetahuan dari evidens proses yang telah mereka lalui di dalam bengkel dengan tepat dan betul seperti mana yang dikehendaki oleh peraturan penskoran dalam item ini. Manakala majoriti calon lagi memberi jawapan yang tidak tepat dan terpesong dari kehendak item. Calon yang cemerlang dapat menunjukkan evidens pengetahuan dan evidens proses seperti mana yang dikehendaki oleh item dengan mudah. Kecemerlangan calon dibantu dengan adanya panduan jawapan dalam bentuk grafik/rajah yang disertakan dalam item.

Kelemahan utama dan ketara majoriti calon ialah tidak menandakan kedudukan jaring *exmet* dengan tepat, kemas dan sempurna pada rajah/grafik yang disediakan seperti yang

dikehendaki dalam peraturan penskoran. Kesilapan sebahagian kecil calon semasa menjawab item ini ialah sama ada tidak memahami atau keliru dengan istilah 'jaring *exmet*' yang digunakan dalam item ini.

Soalan 8

Sebilangan besar calon mampu menunjukkan semula evidens pengetahuan (secara langsung atau tidak langsung) yang telah mereka lalui di dalam bengkel/sekolah dengan tepat yang dikehendaki oleh peraturan penskoran dalam item ini.

Kelemahan utama dan ketara majoriti calon ialah tidak dapat membezakan antara 'papan tanda isyarat' dengan 'papan tanda peraturan'. Calon juga terbawa-bawa dengan papan tanda isyarat yang mereka biasa lihat di jalan raya. Kesilapan sebahagian kecil calon semasa menjawab item ini ialah sama ada tidak memahami atau keliru dengan istilah khas yang digunakan dalam penulisan papan tanda isyarat. Contohnya: papan tanda isyarat sebenar 'Sudahkah Anda Memakai Gogel' tetapi calon menjawab 'Memakai Gogel'.

Soalan 9

Sebilangan besar calon mampu menyatakan semula evidens pengetahuan dari evidens proses yang telah mereka lalui di dalam bengkel dengan tepat dan betul seperti mana yang dikehendaki oleh peraturan penskoran dalam item ini. Calon yang cemerlang dapat menyatakan bahan yang digunakan dalam evidens proses menyediakan mortar kompo seperti mana yang dikehendaki oleh item dengan mudah. Kecemerlangan calon dibantu dengan adanya panduan jawapan dalam bentuk fakta dan grafik yang disertakan dalam item.

Kelemahan utama dan ketara majoriti calon sederhana dan lemah semasa menjawab item ini ialah sama ada tidak memahami atau keliru dengan istilah 'mortar kompo' yang digunakan dalam item ini. Kesilapan sebahagian kecil calon ialah menganggap 'air' sebagai salah satu bahan dalam penghasilan mortar kompo.

Soalan 10

Sebilangan besar calon mampu menyenaraikan semua kesalahan semasa evidens proses yang telah mereka lalui di dalam bengkel dengan tepat dan betul seperti mana yang dikehendaki oleh peraturan penskoran dalam item ini. Calon yang cemerlang dapat menunjukkan evidens proses seperti mana yang dikehendaki oleh item dengan mudah. Kecemerlangan calon dibantu dengan adanya panduan jawapan dalam bentuk grafik yang disertakan dalam item.

Bahagian B

Soalan 1

Hanya sebilangan kecil calon yang menguasai kemahiran berfikir secara kritis mampu mengaplikasikan evidens pengetahuan dari evidens proses yang telah mereka lalui di dalam bengkel dengan tepat dan betul seperti mana yang dikehendaki oleh peraturan penskoran item ini. Majoriti calon tidak dapat mengaplikasikan evidens pengetahuan dan evidens proses yang telah calon lalui dalam penghasilan evidens produk (slab konkrit) di bengkel (situasi baru cara lama) bagi menjawab item ini. Jawapan yang diberikan oleh calon terlalu umum, tidak lengkap atau tidak mencukupi, kabur, kurang tepat, berulang-ulang dan tidak menepati kehendak item. Jawapan yang diberikan juga tidak mengikut urutan sebenar

proses penghasilan alas tiang konkrit seperti mana yang dikehendaki oleh peraturan penskoran.

Kelemahan utama dan ketara majoriti calon semasa menjawab item ini ialah sama ada tidak dapat memahami atau keliru dengan grafik yang digunakan dalam item ini. Kelemahan tersebut mungkin disebabkan oleh kesilapan calon yang mengambil mudah atau mengambil sikap sambil lewa tanpa membaca keseluruhan kehendak item itu sendiri.

Soalan 2

Hanya sebilangan kecil calon yang menguasai kemahiran berfikir secara kritis mampu mengaplikasikan evidens pengetahuan dari evidens proses yang telah mereka lalui di dalam bengkel dengan tepat dan betul seperti mana yang dikehendaki oleh peraturan penskoran item ini. Majoriti calon tidak dapat mengaplikasikan evidens pengetahuan dan evidens proses yang telah calon lalui dalam penghasilan evidens produk (memasang dan menanggal peranca tiub keluli) di dalam bengkel (situasi baru cara lama) bagi menjawab item ini. Jawapan yang diberikan oleh calon terlalu umum, tidak lengkap atau tidak mencukupi, kabur, kurang tepat, berulang-ulang dan tidak menepati kehendak item. Jawapan yang diberikan juga tidak mengikut urutan sebenar proses pemasangan peranca tiub keluli seperti mana yang dikehendaki oleh peraturan penskoran.

Kelemahan utama dan ketara majoriti calon semasa menjawab item ini ialah sama ada tidak dapat memahami atau keliru dengan simulasi yang digunakan dalam item ini. Calon mengandaikan “sekolah anda akan dicat pada tembok luarnya” sebagai kehendak item. Kelemahan tersebut mungkin disebabkan oleh kesilapan calon yang mengambil mudah atau mengambil sikap sambil lewa tanpa membaca keseluruhan kehendak item itu sendiri.

Soalan 3

Sebilangan kecil calon yang menguasai kemahiran berfikir secara kritis mampu mengaplikasikan evidens pengetahuan dari evidens proses yang telah dipelajari di dalam bengkel dengan tepat dan betul seperti yang dikehendaki oleh peraturan penskoran item ini. Majoriti calon tidak dapat mengaplikasikan evidens pengetahuan dan evidens proses yang telah dipelajari dalam penghasilan evidens produk (melepa tembok dan kemasan) di bengkel (situasi baru cara lama) bagi menjawab item ini.

Jawapan yang diberikan oleh calon terlalu umum, tidak lengkap atau tidak mencukupi, kabur, kurang tepat, berulang-ulang dan tidak menepati kehendak item. Jawapan yang diberikan juga tidak mengikut urutan sebenar proses ‘membaik pulih dinding bilik bacaan’ seperti yang dikehendaki oleh peraturan penskoran. Kelemahan utama dan ketara majoriti calon semasa menjawab item ini ialah sama ada tidak dapat memahami atau keliru dengan simulasi dan grafik yang digunakan dalam item ini. Calon mengandaikan “lepaan temboknya retak” atau ‘catnya mengelupas’ sahaja sebagai kehendak item. Kelemahan tersebut mungkin disebabkan oleh kesilapan calon yang mengambil mudah atau mengambil sikap sambil lewa tanpa membaca keseluruhan kehendak item itu sendiri.

Bahagian C

Soalan 1

Hanya sebilangan kecil calon yang menguasai kemahiran berfikir secara kritis mampu mengolah secara kreatif evidens pengetahuan dari evidens proses yang telah mereka lalui di dalam bengkel dengan tersusun, tepat dan betul (meliputi keluwesan, kelancaran dan

kejelasan huraian fakta yang disampaikan) seperti mana yang dikehendaki oleh peraturan penskoran dalam item ini.

Kelemahan utama dan ketara majoriti calon tidak dapat mengolah secara kreatif evidens pengetahuan dan evidens proses yang telah calon lalui dalam penghasilan evidens produk (produk simen ferro) di dalam bengkel (situasi baru cara baru atau situasi lama cara baru) bagi menjawab item ini. Jawapan yang diberikan oleh calon terlalu umum, tidak lengkap atau tidak mencukupi, kabur, kurang tepat, berulang-ulang dan tidak menepati kehendak item. Jawapan yang diberikan juga tidak tersusun mengikut urutan sebenar proses baik pulih pasu simen ferro seperti mana yang dikehendaki oleh peraturan penskoran. Kebanyakan calon memberi jawapan secara '*point-form*'. Calon juga tidak dapat memberi huraian yang mantap bagi menyokong fakta yang diberikan mengikut situasi dan kehendak item.

Soalan 2

Hanya sebilangan kecil calon yang menguasai kemahiran berfikir secara kritis sahaja mampu mengolah secara kreatif evidens pengetahuan dari evidens proses yang telah mereka lalui di dalam bengkel dengan tersusun, tepat dan betul (meliputi keluwesan, kelancaran dan kejelasan huraian fakta yang disampaikan) seperti mana yang dikehendaki oleh peraturan penskoran dalam item ini.

Kelemahan utama dan ketara majoriti calon tidak dapat mengolah secara kreatif evidens pengetahuan dan evidens proses yang telah calon lalui dalam penghasilan evidens produk (keusahawanan) di dalam bengkel (situasi baru cara baru atau situasi lama cara baru) bagi menjawab item ini. Jawapan yang diberikan oleh calon terlalu umum, tidak lengkap atau tidak mencukupi, kabur, kurang tepat, berulang-ulang dan tidak menepati kehendak item. Jawapan yang diberikan juga tidak tersusun mengikut urutan sebenar proses mempromosi produk batu berliang seperti mana yang dikehendaki oleh peraturan penskoran. Kebanyakan calon memberi jawapan secara '*point-form*'. Calon juga tidak dapat memberi huraian yang mantap bagi menyokong fakta yang diberikan mengikut situasi dan kehendak item.

SARANAN KEPADA CALON

1. Calon harus dan cuba memahami dengan teliti kehendak item sebelum menjawab sesuatu item. Calon mestilah menepati kehendak bilangan faktor/fakta yang dinyatakan dalam item. Sebaik-baiknya jawapan dirangka terlebih dahulu supaya penyampaian menjadi lebih teratur dan kemas serta mudah difahami.
2. Calon harus memahirkan diri membuat intepretasi simulasi yang dipersembahkan dalam bentuk data, rajah atau grafik pada sesuatu item.
3. Calon harus kompeten dalam semua modul pengajaran dan pembelajaran dan modul pentaksiran.
4. Bagi menjawab item bahagian B, calon harus memberi penumpuan kepada 'langkah' atau 'prosedur' kaedah. Ini bermakna calon boleh memberi secara '*point-form*', tetapi harus jelas dan tepat. Urutan atau tertib langkah amat penting diberi perhatian khusus.

5. Bagi menjawab item bahagian C, calon harus menguasai teknik menjawab item dengan baik. Calon harus menyatakan fakta yang relevan dengan kehendak item, diikuti dengan huraian atau penerangan bagi fakta. Huraian bagi bagi setiap fakta harus meliputi sekurang-kurangnya aspek kenapa (tujuan) dan bagaimana (cara). Huraian haruslah tepat dan spesifik bagi fakta dan tidak terlalu umum. Ayat ringkas tetapi tepat adalah baik.

SARANAN KEPADA GURU

1. Pengajaran guru harus secara lebih '*global*' dan tidak setakat menghafal fakta asas yang terkandung dalam modul pengajaran dan pembelajaran sahaja. Ini bermakna guru perlu menguasai pelbagai disiplin ilmu yang berkaitan dengan isi kandungan sukatan pelajaran. Penguasaan huraian bagi setiap fakta harus diberi penekanan supaya calon dapat menerangkan sekurang-kurangnya aspek kenapa (tujuan) dan bagaimana (cara) bagi suatu perkara.
2. Menggunakan konsep gabungan kerja amali dan teori dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran di bengkel supaya calon menguasai eviden pengetahuan dan kemahiran eviden proses itu secara '*hands-on*'. Ini membolehkan calon lebih mengingati eviden pengetahuan serta eviden proses yang mereka lalui dan mampu membuat kesimpulan yang lebih saintifik.
3. Menerapkan konsep kemahiran belajar dan berfikir secara kreatif dan saintifik seperti pendekatan **4W1H** (*What, Why, When, Who, How*) dan sebagainya.
4. Memberi pendedahan latihan lebih khusus kepada calon terhadap item yang melibatkan kemahiran berfikir aras tinggi (aplikasi, sintesis dan kreativiti).